

Kuala Lumpur: Perumahan khusus bagi warga emas perlu dibangunkan di Kuala Lumpur memandangkan bandar raya ini dijangka menjadi bandar menua menjelang 2040, demikian menurut Pelan Struktur Kuala Lumpur 2040 (PSKL2040).

PSKL2040 menjangkakan jumlah penduduk warga emas adalah lebih tinggi iaitu 17.3 peratus pada 2040 berbanding 9.2 peratus pada 2025.

Menurut PSKL2040, pembinaan rumah khusus bagi warga emas yang digalakkan termasuk rumah persaraan bagi kehidupan berdikari, rumah persaraan lengkap bantuan perubatan serta rumah penjagaan warga emas.

"Ini membolehkan war-

PSKL2040

Bangun perumahan khusus warga emas

ga emas hidup berdikari dengan penyediaan kemudahan khusus untuk membantu mereka hidup sendiri. Bagaimanapun, kesesuaian rumah persaraan dengan bantuan perubatan di kawasan kediaman perlu dikaji dengan terperinci," menurut dokumen itu.

Pembangunan rumah khusus bagi warga emas digalakkan untuk dijual, dipajak atau disewa kepada golongan ini dan pembangunannya boleh sama ada di dalam zon kediaman atau perdagangan dengan mengambil kira kesesuaian semasa.

Kawasan perumahan yang mempunyai komuniti persaraan yang ramai juga digalakkan untuk menyediakan ruang sosial dan kemudahan awam yang bersesuaian.

Selain itu, rumah persaraan perlu dilengkapi kemudahan mengambil

kira prinsip asas reka bentuk sejagat seperti kelengkapan mesra warga emas termasuk alat amaran kecemasan dan keselamatan bagi membolehkan warga emas hidup selesa berdasarkan kemampuan fizikal tanpa bantuan.

Bagi rumah penjagaan

"Ini membolehkan warga emas hidup berdikari dengan penyediaan kemudahan khusus untuk membantu mereka hidup sendiri. Bagaimanapun, kesesuaian rumah persaraan dengan bantuan perubatan di kawasan kediaman perlu dikaji dengan terperinci"

warga emas, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) perlu menyediakan garis panduan terperinci bagi perancangan dan reka bentuknya dan ia perlu selari garis panduan daripada agensi berkaitan bagi memartabatkan kesejahteraan warga emas.

"Kerjasama institusi pengajian tinggi, badan profesional dan organisasi bukan kerajaan turut digalakkan membantu membangunkan keperluan ini," menurut dokumen itu.

PSKL2040 turut memaklumkan Kuala Lumpur dijangka mengalami

perubahan profil penduduk pada masa hadapan dengan bandar raya akan mempunyai saiz isi rumah yang kecil daripada 3.2 pada 2025 kepada 3.0 pada 2040.

Sehubungan itu, perancangan dan pengurusan penyediaan perumahan pada masa akan datang perlu mengambil kira perubahan profil penduduk dan isi rumah dijangka berlaku di Kuala Lumpur.

Dalam pada itu, PSKL2040 memaklumkan penyediaan perumahan bagi golongan orang kurang upaya (OKU) sangat penting dan usaha kerjasama daripada pelbagai agensi perlu diberi perhatian bagi memastikan golongan ini tidak diabaikan.